

# Pupuk rasa cinta negara perlu bermula sejak kanak-kanak

UB 14.9.2018 A3

**KOTA KINABALU:** Menyedari pentingnya memupuk semangat cintakan negara dalam kalangan kanak-kanak lebih-lebih menjelang sambutan Hari Malaysia ini, Pusat Minda Lestari (PML), Universiti Malaysia Sabah (UMS) juga tidak mahu ketinggalan untuk menyumbang ke arah itu.

Pengarahnya Aidah Noordin berkata sebagai rakyat negara merdeka, perasaan cintakan negara perlu dipupuk ke dalam diri setiap kanak-kanak di negara ini yang mempunyai hak pendidikan sama rata walaupun mereka berbeza kaum dan agama.

“Kita haruslah berbangga dengan negara kita, bukan sekadar mendengar atau melaungkan ‘Merdeka’ tetapi perlu difahami, dijiwai dan diterjemahkan dalam kehidupan seharian kita,” katanya ketika berucap sempena Program Kemerdekaan dan Hari Malaysia 2018, di sini, pada Khamis.

Katanya adalah penting juga bagi rakyat Malaysia



**KANAK-** kanak Tadika Pusat Minda Lestari Universiti Malaysia Sabah bersemangat mengenakan pakaian tradisional sambil mengibarkan Jalur Gemilang sempena Sambutan Kemerdekaan dan Hari Malaysia. -Gambar Bernama

memupuk semangat ingin merdeka daripada pemikiran negatif untuk diri sendiri serta menanam semangat sama dalam kalangan kanak-kanak, keluarga, organisasi dan juga negara.

Program dengan kerjasama

Putra Associates itu bertujuan menerapkan rasa bangsa menjadi rakyat Malaysia serta semangat patriotik ke dalam diri 160 kanak-kanak berusia antara lima dan enam tahun PML berkenaan.

Antara aktiviti yang

diadakan ialah perarakan kemerdekaan mengibarkan Jalur Gemilang, pertandingan menghasilkan buku skrap merdeka, pertandingan nyanyian lagu-lagu patriotik dan pertandingan pakaian tradisional. -Bernama